

Angka Giliran _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2008/2009

April 2009

JKE 413 - Analisis Ekonomi Islam

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A dan Bahagian B. Anda dikehendaki menjawab **SEMUA** bahagian soalan 1 dalam Bahagian A dan **TIGA** soalan dalam Bahagian B.

Markah dalam kurungan merupakan wajaran yang diberikan kepada setiap soalan. Oleh itu bahagikan masa anda mengikut wajaran yang digariskan itu.

Mesin hitung elektronik tak berprogram boleh digunakan untuk peperiksaan ini.

...2/-

BAHAGIAN A (40 markah)

Jawab SEMUA soalan dalam bahagian ini.

1. Ekonomi Islam ialah ekonomi yang dilandaskan kepada *al-Quran* dan *al-Sunnah*. Prinsip-prinsipnya telah ditetapkan menurut kehendak agama Islam. Apa sahaja yang diharamkan oleh Islam tidak boleh dilakukan dalam ekonomi Islam.

(a) Adakah pada pendapat anda satu sistem ekonomi Islam boleh diwujudkan di Malaysia? Bagaimanakah gambaran anda tentang sektor-sektor sistem ekonomi Islam seperti sektor *siasi*, sektor *ijtimai*, dan sektor *tijari* boleh memainkan peranan seperti yang dimainkan oleh sektor-sektor ekonomi dalam teori konvensional?

(12 markah)

(b) Metodologi ekonomi Islam tidak dapat menerima metodologi ekonomi konvensional dalam beberapa aspek tertentu seperti pandangan tentang manusia, tumpuan yang dipentingkan oleh teori ekonomi konvensional, dan penolakan ilmu wahyu. Huraikan pandangan Islam tentang aspek-aspek yang disebutkan itu.

(12 markah)

(c) Apakah yang dimaksudkan dengan *al-falah*? Terangkan cara untuk umat Islam mencapai *al-falah* ini dengan menghuraikan syarat-syarat yang mesti dipenuhi untuk mencapainya.

(8 markah)

(d) Terangkan makna Islam, *Iman* dan *Ihsan* yang dimaksudkan dalam Islam. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep kesepaduan ekonomi dalam ekonomi Islam? Terangkan dengan mengaitkan konsep *Tauhid*, *Rezeki*, dan keadilan ekonomi.

(8 markah)

...3/-

BAHAGIAN B (60 markah)

Jawab **TIGA** soalan sahaja.

2. Islam mengiktiraf bahawa pengeluaran itu penting dan organisasi perlu disusun untuk menggabungkan faktor-faktor pengeluaran. Apabila faktor-faktor pengeluaran dalam proses pengeluaran itu dimiliki banyak pihak maka aturan kontrak perlu untuk menggariskan hak dan tanggungjawab pihak yang berkontrak itu.

(a) Berikan huraian ringkas tentang bentuk organisasi-organisasi pengeluaran berikut menurut kehendak Islam.

(i) milik persendirian

(ii) *al-mudharabah*

(iii) *al-musyarakah*

(10 markah)

(b) Huraikan secara ringkas matlamat pengeluaran Islam dari sudut usaha ekonomi dan kesejahteraan kebendaan. Apakah objektif firma Islam menurut Siddiqi? Apakah yang menjadi motivasi firma Islam bagi menentukan keputusan output yang akan dikeluarkan oleh firma?

(10 markah)

3. *Zakat* ialah satu institusi yang tidak boleh dihapuskan di dalam ekonomi Islam. Ia menjadi tuntutan agama yang termaktub di dalam *al-Quran*.

(a) Huraikan tujuan-tujuan *zakat* dalam ekonomi Islam. Huraikan secara ringkas *asnaf* yang layak menerima *zakat* dalam Islam.

(10 markah)

(b) Ada pandangan mengatakan bahawa *zakat* yang dikenakan kepada peniaga-peniaga mungkin akan memindahkan beban *zakat* itu kepada pihak pengguna kerana ia merupakan kos kepada peniaga. Apakah pandangan anda tentang isu berkenaan?

(10 markah)

...4/-

4. Islam menerima mekanisme pasaran sebagai satu mekanisme pelarasan sistem ekonomi dengan syarat barang yang diniagakan di pasaran itu mestilah halal dan suci. Penerimaan ini dilandaskan kepada hakikat bahawa mekanisme pasaran itu memberi khidmat kepada pengguna dan juga pengeluar.
- (a) Bagaimanakah pandangan Islam tentang mekanisme pasaran, sistem harga dan tangan tak tampak? Bincangkan secara ringkas. (10 markah)
- (b) Bincangkan ciri-ciri utama yang membezakan konsep “permintaan berkesan” daripada konsep “keperluan berkesan.” Benarkah pelaksanaan konsep “keperluan berkesan” dan konsep penawaran berasaskan kapasiti potensi dapat memberikan keputusan pasaran yang lebih baik daripada kaedah yang lazim? Huraikan. (10 markah)
5. Allah SWT berfirman dalam *al-Quran, Surah al-Nisaa’* ayat 29:
- “Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesama kamu dengan jalan yang *batil* (salah), kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku suka sama suka di antara kamu.”
- (a) Apakah makna *al-bai’* dalam ekonomi Islam? Bincangkan secara ringkas rukun-rukun *al-bai’*? Berikan penjelasan ringkas tentang jenis-jenis *bai’* yang dibenarkan dalam Islam. Apakah perkara-perkara yang boleh menyebabkan sesuatu kontrak *al-bai’* itu menjadi haram? (10 markah)
- (b) Huraikan secara ringkas kaitan ayat ini dengan *riba*. Bincangkan secara kasar pengelasan jenis-jenis *riba* dalam ekonomi Islam. (10 markah)

-ooo0ooo-